

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) memperhebatkan usahanya kearah Top Business School dengan menjemput Profesor dari London Business School (LBS) untuk menyampaikan syarahan kepada lebih 100 peserta terdiri di kalangan Profesor pelawat, pensyarah, kakitangan dan pelajar di Universiti Utara Malaysia (UUM) pagi tadi.

Menurut Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak, pihaknya melalui Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYA GSB) UUM telah mengambil langkah untuk menjalinkan hubungan dengan sekolah-sekolah perniagaan terkemuka di luar negara termasuk LBS yang menawarkan program-program akademik yang berprestij.

"LBS adalah sekolah perniagaan nombor satu di dunia dan kita melihat peluang untuk mengadakan perkongsian ilmu melalui seminar, penyelidikan dan pertukaran staf akademik dengan mereka.

"Sebagai langkah permulaan kita menjemput Prof Rajesh Chandy dari LBS yang berpengalaman dalam bidang penyelidikan selama 18 tahun untuk menyampaikan ceramah mengenai Keusahawanan di EDC-UUM," ujar beliau ketika ditemui selepas menghadiri Wacana Perniagaan dan Pengurusan di EDC-UUM.

Prof Rajesh Chandy yang juga editor bidang untuk Keusahawanan dan Inovasi Sains Pengurusan dari LBS ketika memberi syarahannya berkata, bidang Keusahawanan adalah enjin yang kuat pertumbuhannya dalam transformasi dan boleh mencipta kekayaan yang luar biasa bagi sesetengah orang.

Namun dalam masa yang sama juga boleh memusnahkan nasib orang lain.

Dalam syarahan itu beliau menerangkan bagaimana inovator berjaya mengambil konsep lama dan baru dengan menggunakan teknologi, pasaran dan konteks geografi.

Prof Rajesh adalah bekas ahli lembaga editorial Jurnal Penyelidikan Pemasaran, Jurnal Pemasaran, Urusniaga IEEE pada Kejuruteraan Pengurusan, International Journal (2006-2008) dalam bidang Commerce Jawatankuasa Penasihat Mengukur Inovasi dalam Ekonomi Abad ke-21 bagi Setiausaha Amerika Syarikat.

Antara anugerah yang pernah dimenangi beliau ialah Journal of Marketing Harold Maynard, Anugerah untuk sumbangan kepada teori pemasaran dan berfikir, Anugerah AMA Awal Kerjaya untuk Sumbangan kepada Strategi Pemasaran, Anugerah TechSIG AMA untuk artikel terbaik Teknologi dan Inovasi (dua kali), MSI Alden Anugerah Clayton, Profesor Cemerlang dan lain-lain lagi.

Turut hadir dalam syarahan ini ialah Timbalan-timbalan Naib Canselor, Penolong Naib Canselor dan Dekan.

Habis.

=====
DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my